

**PAS Bantah Penganjuran Program Seksualiti Merdeka 2011**  
**Bernama**  
**3 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Dewan Muslimat PAS Khamis membantah sekeras-kerasnya Program Seksualiti Merdeka 2011 yang dianjurkan bagi mendapatkan hak kebebasan individu dalam isu pergaulan seksual di dalam negara.

Ketua Dewan Muslimat PAS, Siti Zailah Mohd Yusof berkata program yang bertujuan untuk menghalalkan hubungan sejenis di negara ini tidak patut diadakan.

"Walaupun kita mahukan kebebasan untuk berhimpun, perlu ada garis panduan yang tidak melampaui tabii di negara yang agama rasminya adalah agama Islam," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau yang juga Anggota Parlimen Rantau Panjang berkata, umat Islam tidak seharusnya terpengaruh dengan gaya kehidupan barat yang memperjuangkan hak kebebasan hubungan sama jenis.

Sementara itu, Anggota Parlimen Bukit Gantang Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin mahu tindakan segera diambil oleh pihak bertanggungjawab dalam hal itu.

Program yang dianjurkan buat kali keempat itu berlangsung di Galeri Annexe, Pasar Seni bermula Selasa lepas sehingga 13 Nov ini dan dilaporkan akan dirasmikan oleh Penganjur Bersih, Datuk Ambiga Sreenevasan.

Antara penaja dan penyokong program itu adalah Majlis Peguam dan Suara Rakyat Malaysia (Suaram) dengan beberapa aktiviti diatur seperti bengkel, perbincangan, filem, pameran dan persembahan.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624443>